

22 AUG 1998

KLOFFE-MINGGUAN/I

NIAGA HADAPAN KLCI AKAN BERGERAK TIDAK MENENTU

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Kontrak hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dijangka diniagakan tidak menentu awal minggu depan dengan para peniaga bersikap berhati-hati memerhatikan perkembangan serantau selanjutnya.

Faktor-faktor serantau yang perlu diawasi termasuk prestasi yen berbanding dolar AS, arah aliran bursa-bursa utama serantau dan campur tangan selanjutnya oleh kerajaan Hong Kong untuk mempertingkatkan matawang dan pasaran sahamnya.

"Kerana ketiadaan asas-asas tempatan, para pelabur akan mengubah perhatian mereka kepada perkembangan serantau," kata Davinder Singh daripada AOF Futures Sdn Bhd.

Beliau menjangka niaga hadapan semasa akan kekal di atas paras 317 mata pada awal minggu depan, tetapi menambah kata pasaran turut memerhatikan lebih banyak langkah pemulihan pasaran akan diumumkan oleh kerajaan.

Davinder menambah kata ketidak pastian yang wujud mengenai keupayaan kewangan kerajaan untuk campur tangan di pasaran saham tempatan berikutan ulasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang kerajaan sedang menimbang untuk membeli saham-saham merupakan satu rangsangan kepada pasaran.

Bagi minggu yang baru berakhir, pasaran hadapan menerima tekanan jualan tetapi memantul Selasa hingga Khamis, dibantu oleh kenyataan Dr Mahathir bahawa campur tangan kerajaan adalah mungkin untuk menggalakkan pasaran saham.

Selepas itu, pengambilan untung muncul untuk mengurangkan keuntungan terdahulu.

Minggu ini, niaga hadapan Ogos semasa ditutup 0.6 mata lebih tinggi kepada 322.2, niaga hadapan September naik 1.3 mata kepada 322.2 manakala Disember ditutup turun 0.4 mata kepada 322.5.

Jumlah dagangan meningkat kepada 30,287 lot dari 18,113 lot sebelumnya manakala kedudukan pembukaan meningkat kepada 30,064 kontrak Jumaat berbanding 21,289 kontrak yang dicatatkan Jumaat lalu. -- BERNAMA

MSL DVS OS